

27/04/2003

Golongan profesional patut diberi lebih peluang di peringkat bahagian

BUTTERWORTH: Umno bimbang dengan sikap sesetengah Ketua Bahagian yang menutup peluang golongan eksekutif dan profesional muda untuk bergiat secara aktif di peringkat Bahagian masing-masing.

Ketua Penerangan Umno, Tan Sri Megat Junid Megat Ayob, berkata jika sikap itu tidak dibendung, ia akan merugikan Umno kerana Umno akan kehilangan tenaga dan idea daripada golongan berkenaan.

"Ketua-ketua Bahagian ini amat takut kehilangan kedudukan dan jawatan mereka malah ada di antaranya yang enggan melepaskan jawatan.

"Mereka (ketua bahagian) sepatutnya memberi lebih banyak peluang kepada golongan profesional bergiat dalam Umno bagi membantu mengukuhkan Umno,"

"Golongan ini sudah lama mahu berkecimpung bersama Umno, tetapi sikap segelintir ketua Bahagian yang menyekat peluang mereka menyebabkan ada di antara mereka menyertai parti pembangkang dan ini amat membimbangkan," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang akhbar selepas merasmikan Mesyuarat Perwakilan Umno Bahagian Bagan di Dewan Datuk Haji Ahmad Badawi di sini, semalam.

Megat Junid menasihatkan ketua-ketua Bahagian sepatutnya mencontohi sikap Presiden Umno, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang sedia meletak jawatan sebagai Perdana Menteri dan semua jawatan dalam kerajaan, apabila tiba masanya.

Beliau berkata, Umno mula mengesan mengenai perkembangan ini dalam tempoh 10 tahun kebelakangan selepas banyak menerima pandangan daripada golongan profesional dan eksekutif muda.

Katanya, golongan ini meminta supaya mereka dibenarkan bergiat lebih aktif dalam parti.

Sehubungan itu, Megat Junid berkata, beliau akan membawa perkara ini untuk dibincangkan di peringkat Majlis Tertinggi Umno bagi mencari pendekatan yang sesuai bagi menangani perkara itu.